

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)**

TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa RUU Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) tidak mendapat sokongan pihak Kerajaan untuk dibentangkan memandangkan ianya untuk menambah baik kebajikan dan perkhidmatan polis kepada masyarakat dan negara serta nyatakan jika Kerajaan akan mengambil pendekatan tafsiran 'kematian dalam penjara' seperti yang disyorkan oleh SUHAKAM.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 17 Julai 2019, RUU IPCMC telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Parlimen semasa di bawah pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan. Namun begitu, setelah bacaan kali pertama dibuat, sidang Parlimen pada ketika itu telah memutuskan supaya Jawatankuasa Pilihan Khas (JPK) RUU IPCMC dibentuk untuk melaksanakan kajian lanjut ke atas RUU IPCMC.

Susulan itu, lima (5) sesi pendengaran awam telah diadakan di negeri Sarawak, Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Johor dan Terengganu bagi tujuan penambahbaikan ke atas RUU tersebut. Hasil laporan yang dibuat oleh JPK RUU IPCMC tersebut perlu dibentangkan di Parlimen. Walau bagaimanapun, Menteri Undang-Undang (MUU) di Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu telah mengumumkan penangguhan pembentangan laporan JPK RUU IPCMC pada 3 Disember 2019, sekaligus bacaan kali kedua dan ketiga RUU IPCMC di Parlimen turut ditangguhkan.

Susulan pertukaran Kerajaan pada 1 Mac 2020, Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 1 April 2020 telah bersetuju supaya tanggungjawab RUU IPCMC diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan dibentangkan semula di Parlimen setelah mendapat persetujuan Jemaah Menteri.

Lanjutan dari keputusan MJM tersebut, KDN melalui Jawatankuasa Teknikal telah menjalankan kajian terperinci bagi tujuan penggubalan RUU yang baharu bagi menggantikan RUU IPCMC. RUU yang baharu ini dinamakan semula sebagai RUU Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC). RUU IPCC telah dibuat bacaan kali pertama pada 26 Ogos 2020 di Dewan Rakyat. Namun bacaan kali kedua yang dijadualkan pada 27 Ogos 2020 telah ditangguhkan dan akan dibaca di sidang Parlimen pada penggal ini.

SOALAN NO : 35

Kementerian Dalam Negeri berpandangan bahawa isu-isu yang dibangkitkan berhubung penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) tidak lagi relevan memandangkan Rang Undang-Undang IPCMC telah ditarik balik daripada pembentangan bacaan kali kedua oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Takiyuddin Hassan menerusi Peraturan Mesyuarat 62, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada 26 Ogos 2020. Fokus perlu diberikan kepada pembentangan RUU IPCC yang akan dibentangkan untuk bacaan kali kedua di sidang Parlimen pada penggal ini.

Berhubung tafsiran kematian dalam tahanan yang disyorkan SUHAKAM, Kerajaan adalah tertakluk kepada Akta Penjara 1955 dan Kaedah-Kaedah Lokap 1953 berhubung pengendalian tahanan di dalam lokap dan pengurusan kes kematian dalam tahanan.